

Lengkapkan ayat dalam perenggan dengan kata kerja tak transitif yang sesuai.

Sarawak atau nama julukannya Bumi Kenyalang _____ (1) terkenal oleh hasil kraf tangan yang unik

dan _____ (2) berseni . Satu daripada hasil kraf tangan yang mendapat perhatian pelancong asing

ialah pasu Sarawak. Pasu Sarawak dikatakan telah _____ (3) wujud sejak sekian lama.

Di Sarawak, kaum Iban adalah antara kaum peribumi yang mewarisi kerja tangan ini. Mereka

menghasilkan pasu tersebut untuk tujuan kerohanian dan upacara-upacara rasmi kaum mereka.

Kerja-kerja seni ini dilakukan dengan teliti sekali sehingga _____ (4) berjaya menghasilkan pasu

Sarawak yang tahan lama, _____ (5) berkualiti , dan memuaskan hati pengguna.

Sebenarnya, proses pembuatan pasu Sarawak tidak mudah. Proses untuk menyiapkan sebuah pasu Sarawak

dengan menggunakan tangan mengambil masa yang agak lama, iaitu kira-kira sebulan. Oleh itu, seseorang

yang ingin _____ (6) belajar tentang cara menghasilkan pasu Sarawak mesti memberikan tumpuan

yang sepenuhnya hingga pasu yang dihasilkan _____ (7) menjadi. Walau bagaimanapun, penggunaan

mesin bagi menggantikan kaedah tradisional ini telah mempercepat proses penghasilan pasu Sarawak.

Menurut sejarah, tujuan asal penghasilan seni kraf ini adalah sebagai peralatan memasak makanan

dan kegunaan rumah tangga. Namun demikian, seiring dengan peredaran masa, fungsi pasu Sarawak

sudah dipelbagaikan menjadi lampu sisi, bekas payung, pasu bunga, bekas potpuri, dan lain-lain.

Semua hasil kraf tangan ini amat indah buatannya. Harga yang ditawarkan pula tidak terlalu tinggi.

Oleh sebab itu, pasu Sarawak sering dijadikan sebagai cenderamata oleh pelancong untuk dibawa

_____ (8) pulang ke tempat asal mereka.